

ANALISA SOROTAN KAJIAN MENGENAI SHAYKH ‘ABDULLAH ‘ARIF DAN KARYA *BAHR AL-LAHUT*

Amin Che Ahmat^{a*} & Izatul Akmar Ismail^b

^{a,b} Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak, Kampus Tapah,
35400, Tapah Road, Perak, Malaysia (amin132@uitm.edu.my)

*Corresponding Author

Article info

Received:
31/07/2023
Received in revised form:
30/08/2023
Accepted:
01/09/2023
Available online:
01/09/2023

Keywords:
‘Abdullah ‘Arif;
Bahr al-Lahut;
Tauhid;
Tasawuf;
Nur Muhammad

DOI:
[10.24191/JIPSF/v5n22023_47-59](https://doi.org/10.24191/JIPSF/v5n22023_47-59)

Abstrak

Shaykh ‘Abdullah ‘Arif merupakan salah seorang tokoh pendakwah Islam yang awal menyebarkan Islam di Nusantara. Penemuan manuskrip Bahr al-Lahut dalam katalog di Perpustakaan Universiti Leiden, Belanda dan Perpustakaan Negara Malaysia mengukuhkan dan membuktikan kewujudannya. Namun kajian mengenai Shaykh ‘Abdullah ‘Arif dan manuskrip Bahr al-Lahut yang terbatas telah menimbulkan polemik perbahasan yang berlarutan dalam kalangan pengkaji manuskrip dan sejarah Islam di Nusantara. Antara isu-isu yang timbul adalah mengenai akidah Shaykh ‘Abdullah ‘Arif dan tarikh penulisan Bahr al-Lahut yang tidak dapat dipastikan secara tepat. Justeru, objektif kajian ini menghuraikan latar belakang Shaykh ‘Abdullah ‘Arif dan menganalisis kajian-kajian lepas berkaitan manuskrip Bahr al-Lahut. Metodologi kajian ini berbentuk kualitatif menggunakan pendekatan analisis kajian-kajian lepas dan kandungan dari salinan teks asal manuskrip Bahr al-Lahut. Hasil kajian mendapati Shaykh ‘Abdullah ‘Arif merupakan salah seorang pendakwah awal dari Arab yang berusaha menyebarkan Islam menerusi karya Bahr al-Lahut menerusi pengajaran ilmu tauhid dan tasawuf. Dapatan kajian lepas menjelaskan beliau didakwa mempunyai pengaruh syiah yang dilihat dominan melalui doktrin wahdah al-wujud dan Nur Muhammad. Namun, terdapat juga kajian lepas yang mendapati asas akidah Shaykh ‘Abdullah ‘Arif adalah berfahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah kerana membincangkan konsep menafikan jihat dalam mentauhidkan Allah SWT. Selain itu, pengkaji juga mendapati tiada kesepakatan dalam kalangan penyelidik terdahulu yang mampu menjelaskan tarikh sebenar secara tepat penulisan karya ini. Bagi merungkai permasalahan ini wujud keperluan kajian lanjutan dengan menganalisis aspek fizikal manuskrip asal Bahr al-Lahut bagi mengetahui tarikh penulisan dengan lebih tepat.

AN ANALYSIS OF THE LITERATURE REVIEW ON SHAYKH 'ABDULLAH 'ARIF AND THE WORKS OF *BAHR AL-LAHUT*

Abstract

Shaykh 'Abdullah 'Arif is one of the prominent Islamic preachers who early spread Islam in the archipelago. The discovery of the *Bahr al-Lahut* manuscript in the catalogue of the Leiden University Library, the Netherlands and the National Library of Malaysia confirms and proves its existence. However, limited research on Shaykh 'Abdullah 'Arif and *Bahr al-Lahut* manuscript has generated ongoing debates among manuscript researchers and Islamic historians in the archipelago. Some of the issues raised are the beliefs of Shaykh 'Abdullah 'Arif's beliefs and the precise date of the writing of *Bahr al-Lahut*, which cannot be determined with certainty. Therefore, the objective of this study is to describe background information of Shaykh 'Abdullah 'Arif and to analyze previous studies related to the *Bahr al-Lahut* manuscript. The methodology of this study is qualitative using analysis of literature review approach and the content from the original text copy of the *Bahr al-Lahut* manuscript. The results of the study found that Shaykh 'Abdullah 'Arif was one of the early preachers from Arabia who tried to spread Islam through the work of *Bahr al-Lahut* by teaching of monotheism (*tauhid*) and Sufism. The findings of previous studies explain that he is alleged to have a Shia influence which is seen as dominant through the doctrine of *wahdah al-wujud* and *Nur Muhammad*. However, there is also a previous study which found that the foundational beliefs of Shaykh 'Abdullah 'Arif's were in accordance with the *Ahli Sunnah Wal Jamaah's* understanding as he discussed the concept of denying *jihad* in monotheizing Allah SWT. In addition, the researcher have not reached a consensus on the precise date of the manuscript's writing. To address this issue, further research is needed to analyze the physical aspects of the original *Bahr al-Lahut* manuscript to determine the date of writing more accurately.

Keywords: Shaykh 'Abdullah 'Arif; *Bahr al-Lahut*; *Tauhid*; *Tasawuf*; *Nur Muhammad*

LATAR BELAKANG KAJIAN

Manuskrip merupakan khazanah penting sesebuah peradaban kerana mengandungi nilai keilmuan yang dinukilkan para sarjana terdahulu bagi membangunkan intelektual masyarakat pada zaman itu. Atas dasar itu, kajian manuskrip terutamanya manuskrip Islam tidak terbatas dan ditelan zaman kerana nilai-nilai keilmuan merangkumi pelbagai disiplin ilmu sentiasa sesuai untuk dikaji bagi manfaat umat kemudian. Dalam konteks kajian perkembangan Islam di Nusantara, para sarjana masa kini banyak memberi perhatian dalam mengkaji manuskrip Islam bagi mengambil manfaat nilai-nilai keilmuan dan peradaban yang dinukilkan oleh tokoh ulama silam seperti kitab *Tayyib al-Ihsan fi Tibb al-Insan* (Abd Hamid, Ahmad & Mohammad, 2008), *Dawa al-Qulub min al-Uyub* (Mamat, 2023), *Tibyan al-Maram* (Mamat & Mohd Zarif, 2019), *Nahj al-Raghibin* (Buang, Daud, & Jamaludin, 2023), *Durr al-Fara'id* (Daud & Muammar, 2009), *'Aqa'id al-Nasafi* (Wan Daud, 2005) dan lain-lain.

Selain itu, salah sebuah manuskrip yang wajar diberikan perhatian para sarjana untuk dikaji ialah *Bahr al-Lahut* (Yahaya, 1994). *Bahr al-Lahut* merupakan karangan Shaykh 'Abdullah 'Arif adalah salah sebuah karya awal bukti kedatangan Islam di Nusantara (Yahaya, 2000; Aini, 2008). Beliau dikatakan antara ulama tasawuf terawal dari tanah arab menyebarkan Islam di Nusantara (Arnold, 1970). Terdapat dua pandangan yang berbeza berkenaan tahun sebenar penulisan *Bahr al-Lahut* iaitu sama ada ditulis pada abad ke 12 M atau abad ke 16 M. Perbezaan pandangan ini disebabkan penulisan *Bahr al-Lahut* dan tarikh terjemahan tidak dapat diputuskan serta dinyatakan dengan tepat (Rosder & Omar, 1997) berbanding tarikh penulisan *'Aqa'id al-Nasafi* yang telah dipastikan oleh al-Attas secara tuntas (Al-Attas, 1988). Pertama, sebilangan sarjana mengemukakan pandangan bahawa kitab *Bahr al-Lahut* ini dikarang pada kurun ke12 M kerana teks asal ditulis dalam tempoh masa sewaktu hayat pengarangnya masih hidup dalam lingkungan tahun 1165 M hingga 1177 M (Abdullah, 1991; Rosder & Omar, 1997; Yahaya, 2001). Pandangan ini menyokong karya *Bahr al-Lahut* ditulis lebih awal iaitu sekitar zaman kebesaran dan keemasan Melaka berbanding *'Aqa'id al-Nasafi* yang ditulis pada tahun 1509 M iaitu semasa

kegemilangan Aceh dan selepas kejatuhan Melaka (Rosder & Omar, 1997; Baba, 1995). Kedua, terdapat sarjana yang menolak manuskrip *Bahr al-Lahut* ditulis pada abad ke-12 M dan bukan merupakan kitab Jawi terawal yang membincangkan Tasawuf Falsafi (*speculative Sufism*) di Nusantara sebaliknya karya ini muncul pada separuh kedua abad ke-16 M selepas Martabat Tujuh dikenali di Aceh (Badaruddin, 2004). Badaruddin (2004) turut bersetuju dengan pandangan ini atas hujah bahawa perbahasan doktrin *wahdah al-wujud* iaitu kalimah *wahdah* yang dihuraikan dalam karya *Bahr al-Lahut* bagi merujuk kepada doktrin Martabat Tujuh hanya muncul pada abad 16 M, sebaliknya Ibn 'Arabi yang meninggal pada abad 1240 M menggunakan istilah *wahdaniyyah*. Maka atas dasar hujah ini, dirumuskan bahawa *Bahr al-Lahut* ditulis pada abad ke-16 M.

Selain berlaku perbezaan pandangan terhadap tarikh penulisan *Bahr al-Lahut*, terdapat juga dikotomi para sarjana terhadap pegangan akidah Shaykh 'Abdullah 'Arif. Pertama, pandangan berpendirian beliau adalah berfahaman Syi'ah (Ali Hasymy, 1981; Yahaya, 1992) dan merupakan tokoh pertama bertanggungjawab menyebarkan doktrin Nur Muhammad yang mempunyai kosmologi dari Syiah yang terdapat dalam karyanya *Bahr al-Lahut* (Adam et al., 2017; Yahaya, 1994, 2001). Terdapat kajian yang menjelaskan sewaktu ketibaan Shaykh 'Abdullah 'Arif di Nusantara, ketika itu telah terbentuk kerajaan Islam pertama di Perlak di bawah pemerintahan Sultan Alaudin Sayyid Mawlana Abdul Aziz Shah sebagai pemerintah pertama yang turut beraliran Syiah (Abdullah, 1990).

Walau bagaimanapun, para sarjana yang berpandangan Shaykh 'Abdullah 'Arif merupakan seorang Syiah hanya memberi tumpuan terhadap perbincangan Nur Muhammad sahaja tanpa meneliti dari aspek akidah. Sekiranya diteliti aspek akidah yang dihuraikan dalam *Bahr al-Lahut*, terdapat ajaran yang mengisbatkan sifat-sifat Allah SWT mengikut landasan Ahli Sunnah Waljamaah tanpa terpengaruh dengan Syiah. Pengaruh akidah Shaykh 'Abdullah 'Arif yang cenderung kepada aliran salaf atau khalaf juga dapat difahami menerusi analisis kritis kandungan penulisan *Bahr al-Lahut* (Ahmat, Aziz, Anas, & Habidin, 2016; Ahmat, Sa ari, Aziz, & Zulkipli, 2017; Kamarzaman, 2018). Kandungan *Bahr al-Lahut* membincangkan akidah menyucikan Zat dan Sifat Allah dari sifat makhluk seperti menafikan konsep *jihad* iaitu menolak kefahaman akidah yang menyakini Allah berhajat kepada tempat dan masa. Kamarzaman (2018) juga menegaskan kandungan akidah yang terdapat dalam *Bahr al-Lahut* sama sekali berbeza dengan keyakinan Syiah yang menafikan sifat Allah dalam akidah.

Berdasarkan kepada pelbagai perbezaan pandangan seperti yang telah dihuraikan, maka kajian ini bertujuan menganalisis berkenaan Shaykh 'Abdullah 'Arif dan karyanya *Bahr al-Lahut* daripada kajian-kajian lepas dan suntingan teks asal manuskrip dan menjawab persoalan berikut:

1. Siapakah Shaykh 'Abdullah 'Arif yang dikatakan turut menyumbang kepada penyebaran Islam di Nusantara?
2. Apakah pemikiran Shaykh 'Abdullah 'Arif melalui karya *Bahr al-Lahut*?

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah kajian kualitatif menggunakan pendekatan analisis kandungan sorotan kajian lepas dan salinan teks asal manuskrip *Bahr al-Lahut* yang ditemui pengkaji. Salinan teks asal yang diperoleh adalah dari Universiti Leiden Netherland yang mempunyai enam set salinan. Namun, pengkaji memilih untuk menganalisa hanya kepada salinan manuskrip yang paling lengkap dan terbaik setelah dilakukan tinjauan kritikan zahir bagi menghasilkan suntingan teks *Bahr al-Lahut* dan terjemahannya yang terkini dalam Bahasa Melayu.

ANALISA SOROTAN KAJIAN LEPAS

Berdasarkan kepada analisa kajian-kajian lepas dan suntingan teks *Bahr al-Lahut* maka kajian ini menghuraikan secara umum berkenaan latar belakang Shaykh 'Abdullah 'Arif dan pemikirannya dalam manuskrip *Bahr al-Lahut*.

Latar Belakang Shaykh ‘Abdullah ‘Arif dan Kitab *Bahr al-Lahut*

Shaykh ‘Abdullah ‘Arif merupakan seorang tokoh dakwah dan tasawuf yang menyebarkan Islam di Nusantara, namun namanya kurang dikenali kerana kekurangan sumber berkenaan periwayatannya. Pembuktian bahawa beliau adalah antara tokoh dakwah terawal di Nusantara kerana tercatat nama ‘Abdullah ‘Arif dalam manuskrip *Bahr al-Lahut*. Berdasarkan sorotan kajian lepas didapati maklumat terperinci mengenai Shaykh ‘Abdullah ‘Arif seperti kelahiran, pendidikan, nasab keturunan, dan lain-lain belum diketengahkan oleh kebanyakan sarjana secara terperinci. Kebanyakan maklumat yang diperoleh sekadar menyatakan beliau adalah pengarang karya *Bahr al-Lahut*, salah seorang tokoh tasawuf terawal di Nusantara khusus ketika pemerintahan kerajaan Perlak (Aceh), tarikh penghijrahan beliau ke Perlak (Aceh) (Arnold, 1970), dan kewafatannya sahaja (Yahaya, 2001). Walau bagaimanapun, terdapat juga usaha gigih para pengkaji warisan dan salasilah ulama Islam di Nusantara seperti Abdullah (1991, 1999, 2006), Abdullah (1980), Yahaya (1992, 1994, 1995, 2001, 2016), Ali Hasymy (1981), Hamka (1977), Arnold (1970), dan Zainuddin (1961) yang telah menulis mengenai Shaykh ‘Abdullah ‘Arif untuk dijadikan rujukan dalam kajian ini.

Nama sebenar Shaykh ‘Abdullah ‘Arif adalah ‘Abdullah manakala ‘Arif adalah gelaran yang diberikan kepadanya. ‘Abdullah merupakan gabungan kepada dua perkataan dalam Bahasa Arab iaitu ‘*Abd* dan Allah iaitu membawa maksud hamba kepada Allah. *Al-‘Arif* pula membawa maksud hamba yang sangat bijaksana, mengetahui, dan memahami persoalan akidah untuk mengenal Allah S.W.T (Yahaya, 1994). *Al-‘Arif* juga merujuk kepada seorang manusia yang sempurna, dikurniakan *ma‘rifah* iaitu cahaya yang dianugerahkan oleh Allah S.W.T ke dalam hati hamba-hamba yang dikehendaki-Nya sehingga sampai kepada mereka kedudukan ‘*ashiq* sebagai seorang kekasih Allah dalam tiap-tiap penzahiran diri setiap waktu tanpa berehat (Armstrong, 1995). Justeru, dapat difahami maksud kepada nama Shaykh ‘Abdullah ‘Arif diterjemahkan ke bahasa Melayu ialah “Hamba Allah S.W.T yang Bijaksana” (Abdullah, 1980). Selari dengan gelaran yang diberikan, terdapat penyelidik yang mengiktiraf Shaykh ‘Abdullah ‘Arif sebagai tokoh tasawuf kerana isi kandungan *Bahr al-Lahut* cenderung mengajar umat Islam memahami ilmu tasawuf untuk mencapai kebahagiaan hakiki dengan mengenal pencipta.

Berkaitan tarikh ketibaan Shaykh ‘Abdullah ‘Arif di Nusantara, kajian-kajian berkaitan perkembangan Islam di Aceh mencatatkan beliau telah sampai ke Aceh antara tahun 560 H / 1165 M hingga 572 H / 1177 M (Abdullah, 1999, 2006; Ali Hasymy, 1981) pada zaman pemerintahan Kerajaan Islam Pasai (Djamil, 1968). Kerajaan Islam Pasai yang berada di bawah pemerintahan Dinasti Meurah Giri (Meurah Khir) ini merupakan satu tempoh yang lama iaitu bermula dari zaman pemerintahan Meurah Giri sebagai Raja Pasai dengan gelaran Maharaja Mahmud Syah yang memerintah pada tahun 433 H / 1042 M – 470 H / 1078 M (Amin, 1980) sehingga kemangkatan Sultan Nurdin al-Kamil kerana berlaku perebutan kuasa sebelum diambil alih oleh Dinasti Meurah Silu (Sultan Malik al-Salih) (Djamil, 1968).

Fakta sejarah mencatatkan semasa pemerintahan Sultan Nurdin al-Kamil (550 H / 1155 M – 607 H / 1210 M), terdapat seorang ulama Islam dari Mekah berketurunan Arab bernama Shaykh ‘Abdullah ‘Arif telah sampai di Samudera Pasai, Utara Aceh untuk melihat sendiri perkembangan pesat agama Islam (Matsyah, 2004). Rombongan yang dipimpin Shaykh ‘Abdullah ‘Arif telah tiba di pelabuhan Bandar Salasari, Aceh yang turut serta bersama-sama adalah rombongan Syeikh Ismail al-Ramaly selepas pulang dari mengunjungi Bandar Peureulak (Amin, 1980). Ketika itu, beliau turut menjalankan kegiatan perdagangan dengan para pedagang dari Mekah untuk membekal barangan dari Hijaz seperti kurma, kulit kambing dan lain-lain. Hubungan mesra yang telah terjalin antara Shaykh ‘Abdullah ‘Arif dan para pedagang dengan masyarakat Aceh telah menyebabkan mereka terhutang budi. Hubungan mesra tersebut mendorong beliau terus kekal di Aceh untuk berkhidmat kepada masyarakat ketika itu (Abdullah, 2006).

Berkenaan pendidikan, Zainuddin (1961) menjelaskan Shaykh ‘Abdullah ‘Arif berguru dengan Shaykh ‘Abd al-Qadir al-Jilani iaitu seorang wali Allah yang dinisbahkan dengan Tarikat Qadiriyyah.

Penghijrahan Shaykh 'Abdullah 'Arif ke Aceh pada tahun 560 H / 1165 M adalah setahun sebelum kewafatan Shaykh 'Abd Qadir al-Jilani iaitu pada tahun 561 H / 1166 M dan ini menunjukkan bahawa kedua-dua tokoh ini pernah hidup sezaman. Setelah berhijrah ke Aceh, Shaykh 'Abdullah 'Arif telah memulakan gerak kerja dakwah dengan memberikan pendidikan kepada masyarakat setempat. Ramai yang memeluk Islam dan menjadi murid beliau serta mampu menjadi pendakwah menyebarkan Islam di Pantai Sumatera Barat, Daerah Minangkabau (Abdullah, 2006). Kajian ini tidak dapat menjelaskan tarikh dan tempat kelahiran Shaykh 'Abdullah 'Arif kerana pengkaji tidak menemui maklumat kajian yang berkaitan. Walau bagaimanapun, Abdullah (1991) dan Zainuddin (1961) menyatakan tahun kematian Shaykh 'Abdullah 'Arif adalah pada 575 H / 1177 M dan jenazah beliau disemadikan di Aceh, manakala lokasi perkuburannya terdapat di kompleks Kuburan Keling.

Penulisan Kitab *Bahr al-Lahut*

Bahr al-Lahut merupakan salah sebuah manuskrip mengenai ajaran Islam semasa agama Islam dan Bahasa Melayu sedang berkembang sebagai bahasa ilmu pengetahuan ketika pemerintahan kerajaan Pasai-Samudera (Yahaya, 2001). Manuskrip ini merupakan antara karya tertua di rantau Nusantara dan penemuan naskah ini membuktikan bahawa pengarang manuskrip iaitu Shaykh Abdullah 'Arif tetap wujud sebagaimana yang dapat dilihat dalam tulisan manuskrip versi terjemahan dalam Bahasa Melayu kerana dicatat nama pengarangnya (Yahaya, 1994, 2001). Naskah asal *Bahr al-Lahut* ditulis dalam Bahasa Arab kemudian diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu yang ditemui di Kampung Pernu, Melaka, Malaysia. Kitab ini diterjemahkan bukanlah dalam tempoh masa yang jauh dari teks asal ditulis memandangkan masyarakat Melayu ketika itu tidak memahami Bahasa Arab. Usaha menterjemahkan *Bahr al-Lahut* ini dilakukan segera bertujuan untuk memahami isi kandungan *Bahr al-Lahut* yang menyentuh aspek akidah dan tasawuf (Yahaya, 1994).

Wujud juga pandangan yang menyatakan bahawa *Bahr al-Lahut* bukan karya tasawuf terawal dan juga bukan merupakan kitab Jawi terawal yang membincangkan Tasawuf Falsafi di Nusantara, malah karya ini tidak ditulis pada abad ke-12 M. Karya ini hanyalah muncul pada separuh kedua abad ke-16 M selepas Martabat Tujuh dikenali di Aceh. Doktrin *wahdah al-wujud* ini hanya masyhur penggunaannya dalam tasawuf bagi tujuan menunjukkan *tajalli* Allah S.W.T. Penggunaan kalimah *wahdah* yang merujuk kepada doktrin Martabat Tujuh muncul pada abad 16 M, sebaliknya Ibn 'Arabi yang meninggal pada abad 1240 M menggunakan istilah *wahdaniyyah* (Badaruddin, 2004). Terdapat kajian yang mengkritik dan mempertikaikan *Bahr al-Lahut* dari sudut filologi, kewujudan pengarang karya, pengesahan naskah ini dalam Bahasa Arab yang belum disahkan dan kritikan terhadap kertas serta dakwat yang digunakan (Salleh, 1997, 2010). Oleh yang demikian, pengkaji mendapati para sarjana tidak dapat menjelaskan dan mengemukakan penemuan baru mengenai tarikh penulisan *Bahr al-Lahut*. Selain itu terdapat beberapa hujah yang bertentangan antara satu dengan lain yang tidak membenarkan para sarjana menyatakan tarikh penulisan karya *Bahr al-Lahut* secara tepat dan tuntas. Dalam kajian ini, pengkaji memaparkan lembaran halaman hadapan salinan manuskrip *Bahr al-Lahut* yang diperolehi dari salinan asal manuskrip *Bahr al-Lahut* di Universiti Leiden, Netherland. Namun, terdapat sebahagian manuskrip yang lengkap dan sebahagian lain tidak lengkap seperti ringkasan dalam jadual berikut:


Jadual 1. Maklumat umum analisis fizikal oleh pengkaji mengenai salinan manuskrip *Bahr al-Lahut* yang diperolehi dari Universiti Leiden dan koleksi lain di Netherlands.

Bil	Versi Manuskrip	No. Panggilan	Status Manuskrip	Bahasa	Bil. Halaman
1.	Copy from Bancoolen. *f. 33r-37v; 18 th c.??*	Or. 7022 (3)	Lengkap	Arab	10 (2 muka / halaman)
2.	Copied for S.H from the Former. *f.21v-24r*	Or. 7059 (3)	Lengkap	Arab	6
3.	Copy from Bodjonegoro (Java). *p. 17-28*	Or. 7051 (1)	Lengkap	Arab	12


4.	Copy with interlinear translation in Javanese. *f. 1v-9v*	Or. 8540 (1)	Lengkap	Arab	16 (2 muka / halaman)
5.	Idem. *f. 3v-15r; 1912*	Or. 8541 (1)	Tidak Lengkap	Arab	22
6.	Idem. *p.11-12;1903*	Or. 7531 (2)	Tidak Lengkap	Arab	2
7.	Microfilm copy of MS. KBG Arab. 108(20), Cat v. d. Berg p. 97.*pp. 6*	F. Or. A 13 b (20)	Maklumat tidak ditemui pengkaji	-	-
8.	Microfilm copy of MS. Calcutta, Cat. Hidayat Husain no. 1200(8)	F. Or. A 52d (8)	Maklumat tidak ditemui pengkaji	-	-

Sumber : Voorhoeve (1980).


Gambar 1. Lampiran salinan manuskrip *Bahr al-Lahut* dalam Bahasa Arab.




Or. 7022 (3)




Or. 7059 (3)




Or. 7051 (1)



Or. 8540 (1)



Or. 8541 (1)



Or. 7531 (2)

Sumber : Voorhoeve (1980).

Analisa Pemikiran Syaikh ‘Abdullah ‘Arif Melalui Kitab *Bahr Al-Lahut*

Berdasarkan analisa dari sorotan kajian-kajian lepas dan teks asal *Bahr al-Lahut* didapati kajian terhadap manuskrip ini dan pengarangnya Shaykh ‘Abdullah ‘Arif adalah masih terhad walaupun manuskrip ini antara salah satu yang terawal di Nusantara. Walau bagaimanapun, terdapat usaha dari para sarjana yang mengkaji berkenaan kitab ini dan pengarangnya sepertimana ringkasan berikut:

Jadual 2.0. Analisa berkaitan Shaykh ‘Abdullah ‘Arif dan *Bahr al-Lahut* dari sorotan kajian lepas.

Penulis dan Tahun	Tajuk Artikel	Sumber	Perbahasan
Shaykh ‘Abdullah ‘Arif	<i>Bahr al-Lahut</i>	Salinan Manuskrip asal	Tasawuf falsafah berkaitan Nur Muhammad, Martabat tujuh, Insan Kamil dan lain-lain.
Yahaya (1995)	Sejarah Perkembangan Pemikiran Islam dalam Konteks Alam Melayu: Iktibar Untuk Abad Akan Datang	Manuskrip	Shaykh ‘Abdullah ‘Arif adalah orang pertama bertanggungjawab menyebarkan doktrin Syiah di Nusantara melalui konsep Nur Muhammad.
Sahidah (2012)	Finding Malay Islamic Identity through Manuscripts: A Textual Criticism of Bahr Al – Lahut	Manuskrip dan Sorotan Kajian Lepas	Pengesanan identiti melayu melalui analisis teks manuskrip <i>Bahr al-Lahut</i> .
Ahmat (2012, 2016, 2017)	Pemikiran Shaykh ‘Abdullah ‘Arif Tentang Doktrin Nur Muhammad Dalam Kitab Bahr Al-Lahut	Manuskrip dan Sorotan Kajian Lepas	Menghuraikan berkenaan Shaykh ‘Abdullah ‘Arif dan pandangan beliau mengenai Nur Muhammad dalam karyanya. Dapatan yang ditemui adalah perbincangan doktrin Nur Muhammad adalah menerusi kerangka ajaran Martabat Tujuh dengan memberikan tumpuan kepada dua martabat terawal iaitu <i>Martabat Ahadiyah</i> dan <i>Wahdah</i> . Kajian mendapati perbincangan dalam kitab Bahr al-Lahut adalah selari dengan akidah Ahli Sunnah Wal-Jamaah.
Kamarzaman et al., (2016, 2018)	Pengaruh Aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah Al-Asha'irah di Nusantara, Analisis Abad ke Tujuh Hingga Dua Puluh Masihi	Sorotan Kajian Lepas dan Manuskrip	Akidah yang dibawa oleh Shaykh ‘Abdullah ‘Arif dalam kitab <i>Bahr al-Lahut</i> jelas mendapati beliau berlandaskan Ahli Sunnah Wal-Jamaah tanpa terpengaruh dengan Syiah dan dibawakan bukti-bukti huraianannya.
Ali (2018)	The Development of Islamic Thought In The Malay Archipelago: A Special Reference To The Shia	Sorotan Kajian Lepas	Shaykh ‘Abdullah ‘Arif adalah orang pertama yang menyebarkan Syiah di Aceh melalui kitabnya <i>Bahr al-Lahut</i> dan dibawakan bukti-bukti huraianannya.
Jusoh & Mayah (2018)	Timeline of the Malay Jawi Works: A Revisit to the Oldest Known Malay Manuscript	Sorotan Kajian Lepas	Kajian membandingkan antara karya terawal di Nusantara sama ada <i>‘Aqa’id al-Nasafi</i> dan <i>Bahr al-Lahut</i> . Penemuan mendedahkan mendedahkan <i>‘Aqa’id al-Nasafi</i> mempunyai perakuan yang jelas berbanding <i>Bahr al-Lahut</i> .

Mashuri (2020)	Bahrul Lahut Manuscripts in East Java: Study of Philology and Reconstruction of Tarekat Networks	Sorotan Kajian Lepas dan Manuskrip	Perbincangan adalah berkaitan teks <i>Bahr al-Lahut</i> mengikut pendekatan filologi, epistemologi, dan sejarah. Tujuannya untuk mengkaji kandungan dan sejarahnya dan menjejaki rangkaian tarekat Aceh–Makassar–Jawa Timur berdasarkan peredaran manuskrip di Jawa Timur.
----------------	--	------------------------------------	--

Sumber : ‘Abdullah ‘Arif (t.t), Yahaya (1995), Sahidah (2012), Ahmat (2012, 2016, 2017), Kamarzaman et al., (2016, 2018), Ali (2018), Jusoh & Mayah (2018), Mashuri (2020)

Berdasarkan perbincangan dari sorotan kajian-kajian lepas didapati kajian berkenaan Shaykh ‘Abdullah ‘Arif dan *Bahr al-Lahut* menumpukan kepada aspek akidah, kitab terawal di Nusantara dan analisis terhadap teks manuskrip. Walau bagaimanapun tiada penemuan baru yang kukuh ditemui terhadap biografi Shaykh ‘Abdullah ‘Arif dan diakui oleh Sahidah (2012) dan Ahmat (2012). Ini jelas menunjukkan bahawa perlunya satu kajian yang teliti berkenaan manuskrip ini kerana selain tiada biografi yang lengkap, terdapat juga percanggahan antara penyelidik berkenaan tarikh sebenar penulisan *Bahr al-Lahut* dan pendirian akidah Shaykh ‘Abdullah ‘Arif. Oleh kerana percanggahan berlaku, maka tidak banyak kajian yang membahaskan berkenaan manuskrip ini di Malaysia berbanding Indonesia. Pengkaji mendapati, terdapat usaha penyelidikan mengenai manuskrip *Bahr al-Lahut* yang memberi tumpuan filologi, epistemologi, dan sejarah. Kajian yang dilakukan Mashuri (2020) mengkaji kandungan, sejarah dan menjejaki rangkaian tarekat Aceh–Makassar–Jawa Timur berdasarkan peredaran manuskrip di Jawa Timur turut menjadikan *Bahr al-Lahut* sebagai tumpuan kajian. Beliau telah membuktikan bahawa pengaruh kitab *Bahr al-Lahut* turut memberi pengaruh kepada perkembangan tarekat di Indonesia sehingga kini kerana menjadi salah sebuah kitab rujukan dalam pengajian.

Selain itu, penemuan kajian yang membandingkan karya terawal di Nusantara iaitu *‘Aqa’id al-Nasafi* dan *Bahr al-Lahut* mendedahkan *‘Aqa’id al-Nasafi* mempunyai perakuan yang jelas berbanding *Bahr al-Lahut* (Jusoh & Mayah, 2018). Jusoh & Mayah (2018) turut melakukan kritikan dengan menganalisis perbandingan bahasa yang digunakan dalam manuskrip *Bahr al-Lahut*, *Aqa’id al-Nasafi* dan artifak Terengganu. Dapatan kajiannya turut menafikan manuskrip Bahr al-Lahut ditulis dan diterjemah lebih awal daripada abad ke-13 dan mungkin hanya ditulis sekitar awal abad ke-14. Menurutnya dialek Bahasa Melayu sebagaimana tulisan yang terdapat pada artifak Terengganu bagi membuktikan ketibaan Islam di Terengganu pada abad ke-13 lebih sukar dan berbeza dengan terjemahan yang terdapat dalam manuskrip *Bahr al-Lahut* dan *‘Aqa’id al-Nasafi*. Terjemahan manuskrip *Bahr al-Lahut* lebih mudah difahami dan mempunyai dialek yang hampir sama dengan terjemahan manuskrip *‘Aqa’id al-Nasafi* yang ditulis pada abad ke-14.

Berkenaan pendirian akidah Shaykh ‘Abdullah ‘Arif, beliau merupakan salah seorang ulama terawal menyebarkan fahaman doktrin Nur Muhammad yang berada dalam lingkungan tasawuf falsafah (Abdullah, 1990). Bersandarkan kepada fahaman ini sebahagian sarjana berpandangan kitab karangannya *Bahr al-Lahut* mengandungi doktrin Syiah Batiniyyah kerana menghuraikan berkenaan Nur Muhammad, *Rijal al-Ghaib*, *Insan Kamil* dan lain-lain (Abdullah, 1980; Adam et al., 2017; Ali, 2018; Yahaya, 1995, 2001). Yahaya (1995) dan Ali (2018) juga berpandangan bahawa beliau adalah orang pertama bertanggungjawab menyebarkan doktrin Syiah di Nusantara melalui konsep Nur Muhammad. Walaupun terdapat pandangan bahawa *Bahr al-Lahut* secara umumnya menghuraikan berkenaan kebesaran Allah SWT dan menumpukan kepada tauhid tetapi terdapat juga pemikiran beliau yang diluar pendekatan ahli Sunnah wal Jamaah iaitu konsep Nur Muhammad yang bertentangan dengan teologi Asy’airah yang berpegang kepada 20 sifat bagi Allah SWT (Sahidah, 2012). Namun, kajian lepas yang menyatakan Shaykh ‘Abdullah ‘Arif membawa doktrin Syiah tidak merujuk kepada manuskrip asal kecuali Yahaya (1994).

Walaupun bagaimanapun, penelitian lanjut terhadap salinan teks manuskrip asal oleh Ahmat (2012, 2016, 2017) dan Kamarzaman et al., (2016, 2018) mendapati pemikiran beliau berlandaskan Ahli Sunnah Wal-

Jamaah tanpa terpengaruh dengan Syiah. Jika diteliti aspek akidah yang dibawa dalam kitab ini, para penyelidik mendapati bahawa beliau mengisbatkan sifat-sifat Allah mengikut landasan Ahli Sunah Waljamaah. Malah di permulaan kitab *Bahr al-Lahut*, beliau dahulu dengan perbincangan akidah yang menyatakan Allah S.W.T mempunyai Zat dan Sifat. Hasil analisa terhadap teks manuskrip ini juga penyelidik seperti Ahmat et. al (2017) menemui dua aspek pengajaran dan pembelajaran ilmu yang ditekankan oleh Shaykh 'Abdullah 'Arif iaitu Ilmu Tauhid (Zat, Sifat, dan Af'al Allah S.W.T) dan Ilmu Tasawuf (Nur Muhammad). Shaykh 'Abdullah 'Arif membincangkan doktrin Nur Muhammad menerusi kerangka ajaran Martabat Tujuh dengan memberikan tumpuan kepada dua martabat terawal iaitu Martabat *Ahadiyyah* dan *Wahdah*.

Pertama : Martabat *Ahadiyyah* menekankan mengenai kewujudan *Dhat* Allah S.W.T adalah wujud *Mutlaq* dan *Dhat*-Nya adalah Qadim. Malah ditekankan olehnya tiada sesuatupun kewujudan makhluk yang menyerupai *Dhat* Allah S.W.T. Pada martabat ini Nur Muhammad belum wujud kerana yang wujud pada ketika ini hanyalah *Dhat* Allah S.W.T yang suci daripada Sifat dan Asma'-Nya.

Kedua: Martabat *Wahdah* membincangkan mengenai kewujudan alam ini bermula daripada Nur Muhammad sebagai makhluk pertama dijadikan Allah S.W.T. Dalam karyanya juga terdapat beberapa istilah lain yang merujuk kepada Nur Muhammad seperti *Ruh Idafi*, *Ruh Makhluk*, *Nur Zahuri*, *Hakikat Muhammad*, *al-Qalam*, dan *al-Wilayah*. Seterusnya, didapati juga Shaykh 'Abdullah 'Arif menekankan kewujudan Nur Muhammad ini berlaku daripada "tiada" kepada "ada" dan kewujudan Nur Muhammad tersebut bersifat dengan "*muhdath*".

Oleh kerana terdapat perbezaan pandangan, maka pengkaji merujuk kepada salinan teks manuskrip asal dan mendapati terdapat konsep menafikan *jihah* (arah) sebagaimana kefahaman Ahli Sunnah Waljamaah. Pemikiran Shaykh 'Abdullah 'Arif dapat dilihat berdasarkan petikan teks manuskrip *Bahr al-Lahut* Naskhah (ج), nombor Or. 7051 (1) seperti berikut:

الاحسان على انتها يك اعلم ان الله اقام يعضو
لا حلف ولا زيمات ولا فرق ولا كتب ولا عينا ولا
سنة لا خاداد نور محمد م يكيد لان النور واكرشم

Terjemahan : Ketahuilah olehmu [wahai Ahli Hakikat], sesungguhnya Allah apabila ketika tiada asyiq untuk [menyatakan Zat dan Sifat-Nya], tiada Ia bertempat dan tiada Ia bermasa dan tiada Ia di atas dan tiada Ia di bawah, dan tiada Ia di kanan dan tiada Ia di kiri kerana Nur Muhammad belum wujud [nyata ketika itu kerana hanya Allah sahaja yang wujud].

Pengkaji mendapati konsep kefahaman akidah yang menafikan arah (*jihah*) kepada Allah SWT selari dengan aliran akidah al-Maturidiyyah dan al-'Ashariyyah sebagaimana dijelaskan Abu Ja'far al-Tahawi (321H) (Al-Tahawi, 2007), dan Abu Mansur al-Bahdadi (429H) (Al-Baghdadi, t.t), bahawa Allah tidak berhajat dan diliputi oleh arah yang enam seperti makhluk. Kamarzaman (2018) turut menyatakan akidah ini dijelaskan oleh Shaykh 'Abdullah 'Arif adalah dan tidak terpengaruh dengan aliran Syiah yang menafikan sifat bagi Allah. Dalam percanggahan akidah Shaykh 'Abdullah 'Arif terutama berkenaan *Nur Muhammad*, pengkaji juga cenderung berpegang dengan pandangan yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Negeri Sarawak seperti berikut:

Tidak semua fahaman dan pegangan kepada "Nur Muhammad" itu sesat, kerana sebahagian ulaam mu'tabar seperti Imam Ibnu Hajar Al-Haitami, Syaikh Ibrahim Al-Baijuri, Sayyidis-Syaikh Ja'far Al-Barzanji, Sulthanul Awliya' Syaikh Abdul Qadir Al-Jilani dan ramai lagi, menerima konsep ini dengan penafsiran yang sewajarnya tanpa melampaui

batas 'aqidah dan syariah Islam. Dalam penafsiran mereka "Nur Muhammad" adalah seawal-awal makhluk ciptaan Allah swt, bersifat dengan sifat baharu (bukannya qadim) dan sekali-kali tidak mempunyai unsur-unsur ketuhanan.

(JAKIM, 2002)

Fatwa ini menyebutkan bahawa Nur Muhammad merupakan perkara khilafiyah yang perlu tanggapi dengan fikiran terbuka dan bertoleransi. Malah, fatwa turut menjelaskan penerimaan atau penolakan terhadap ajaran doktrin ini tidak merosakkan pegangan akidah seseorang umat Islam, selagimana tidak wujud unsur mensyrikkan Allah S.W.T. Pengkaji meraikan kedua-dua pandangan para ulama sama ada daripada kelompok yang menerima atau menolak. Hal ini kerana, pandangan yang dikemukakan oleh mereka bersandarkan kepada kefahaman daripada sumber-sumber dalil dan kefahaman ilmu yang dipegang yang wajar diraikan.

KESIMPULAN

Shaykh 'Abdullah 'Arif mempunyai sumbangan yang cukup bermakna dalam menggerakkan keilmuan Islam khususnya Tasawuf. Pada masa yang sama turut mempunyai peranan dalam mengharmonikan hubungan antara ulama dan pemerintah dalam memastikan perjalanan dakwah Islam terus dapat disebarkan khususnya di Aceh dan amnya di Nusantara. Di samping itu, karya dan pemikiran tasawuf seperti doktrin Nur Muhammad yang ditinggalkan dalam *Bahr al-Lahut* berperanan untuk membuka dan mencambahkan pemikiran umat Islam yang mempelajari ilmu tasawuf sewaktu peluasan dakwah Islam di Nusantara, walaupun terdapat pelbagai persepsi yang negatif terhadap karya ini. Namun, disebaliknya terdapat pandangan yang positif kerana melihat sumbangan Shaykh 'Abdullah 'Arif sebagai sumbangan yang berjasa dan pemikiran yang terdapat dalam *Bahr al-Lahut* sebagai khazanah ilmu yang bernilai dan perlu dihargai.

Pengkaji juga mencadangkan karya iaitu Shaykh 'Abdullah 'Arif perlu dikaji dengan lebih lanjut oleh para sarjana sama ada dari bidang pengajian Islam, sejarah dan sastera. Kajian lanjutan juga perlu dilakukan dengan menumpukan kepada beberapa analisis terhadap fizikal teks manuskrip seperti jenis kertas yang digunakan, tahun dicetak kertas, dan jenis dakwat yang digunakan supaya tarikh sebenar penulisan *Bahr al-Lahut* dapat dirungkai.

RUJUKAN

- Abd Hamid, F. @Ahmad F., & Mohammad, H. (2008). Manuskrip Perubatan Melayu-Islam di Fatani-Ulasan Terhadap Manuskrip Kitab Tayyib al-Ihsan fi Tibb al-Insan Karya Syekh Ahmad al-Fatani. *Journal of Al-Tamaddun*, 3(1), 110–127.
- Abdullah, A. R. (1990). *Pemikiran Umat Islam Di Nusantara : Sejarah Dan Perkembangannya Hingga Abad Ke-19*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Abdullah, H. (1980). *Perkembangan ilmu tasawuf & tokoh-tokohnya di Nusantara*. Surabaya: al-Ikhlash.
- Abdullah, W. M. S. (1991). *Khazanah karya pusaka Asia Tenggara* (1st ed.). Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- Abdullah, W. M. S. (1999). *Penyebaran Islam dan silsilah ulama sejagat dunia Melayu*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- Abdullah, W. M. S. (2006). *Bicara Agama. Akhbar Utusan*.
- Adam, F., Ali, A. F., Omar, S. H. S., Embong, R., Ali, M. S., Salleh, M. A., & Ibrahim, B. (2017). Syiah Di Malaysia: Perbandingan Antara Ithna 'Asyariyyah Dan Daudi Bohra. *Proceeding of International Conference of Empowering Islamic Civilization*, 7–8.
- Ahmat, A. C. (2012). *Pemikiran Shaykh 'Abdullah 'Arif Tentang Doktrin Nur Muhammad Dalam Kitab Bahr Al-Lahut*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Ahmat, A. C., Aziz, N. H., Anas, N., & Habidin, N. F. (2016). Islamic Weltanschauung in Bahr al-Lahut: The writings of Shaykh 'Abdullah 'Arif. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 6(11).

- Ahmat, A. C., Sa ari, C. Z., Aziz, N. H., & Zulkipli, S. N. (2017). An Analysis on Doctrine of Nur Muhammad in Bahr Al-Lahut: A Corelation to Martabat Tujuh (Seven Echelon). *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(11).
- Aini, Z. (2008). *Doktrin Nur Muhammad di Alam Melayu: Kajian Terhadap Pemikiran Hamzah Fansuri, Nur al-Din al-Raniri dan'Abd al-Rauf al-Fansuri* (Doctoral dissertation, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).
- Al-'Arif, A. (t.t). *Bahr al-Lahut*. Naskah (ا), nombor Or. 7022 (3).
- Al-'Arif, A. (t.t). *Bahr al-Lahut*, Naskhah (ب), nombor Or. 7059 (3).
- Al-'Arif, A. (t.t). *Bahr al-Lahut*, Naskhah (ج), nombor Or. 7051 (1).
- Al-'Arif, A. (t.t). *Bahr al-Lahut*, Naskhah (د), nombor Or. 8540 (1).
- Al-'Arif, A. (t.t). *Bahr al-Lahut*, Naskhah (ه), nombor Or. 8541 (1).
- Al-'Arif, A. (t.t). *Bahr al-Lahut*, Naskhah (و), nombor Or. 7531 (2).
- Al-Attas, M. N. S. (1988). *The oldest known Malay manuscript : a 16th century Malay translation of the 'Aqā'id of al-Nasaft*. Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Universiti Malaya.
- Al-Baghdadi, (t.t), *al-Farq Bayn al-Firaq*, ditahqiq oleh Majdi Fathi al Sayyid. Qaherah: al-Maktabah al-Tawfiqiyyah.
- Al-Tahawi (2007), *al-'Aqidah al-Tahawiyyah*, c. 4. Beirut: Dar al-Masyari' al-Islamiyyah.
- Ali Hasymy (1981). *Sejarah Berkembang dan Masuknya Islam di Indonesia*. PT al-Ma'arif.
- Ali, W. K. W. (2018). The Development Of Islamic Thought In The Malay Archipelago: A Special Reference To The Shia. *Journal of Malay Islamic Studies*, 2(2), 107–124.
- Amin, M. A. (1980). Uraian sekitar kerajaan Islam Peuruelak Aceh Timur. *Kertas Kerja Seminar Sejarah Masuk Dan Berkembangnya Islam Di Aceh Dan Nusantara*. Majelis Ulama Propinsi Daerah Istimewa Aceh dan Pemerintah Daerah TK. II Aceh Timur.
- Armstrong, A. (1995). *Sufi Terminology (Al-Qamus Al-Sufi) The Mystical Language Of Islam*. Kuala Lumpur: A.S Noordeen.
- Arnold, T. W. (1970). *al-Da'wah ila al-Islam : Bahth fi Tarikh Nashr al-'Aqidah al-Islamiyyah (terj.) The Preaching of Islam*. Kaherah: Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah li Ashabi Hasan Muhammad Wa Awladih.
- Arshad, M. H. M. (1968). *Al-Tarikh salasilah negeri Kedah*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Baba, S. H. (1995). Aceh: Pusat Dakwah Islamiyah pada Abad ke 16 dan ke 18. *Jurnal Usuluddin*, 1, 158-168.
- Badaruddin, F. (2004). Menelusuri Akar Martabat Tujuh Sebuah Ajaran Tasawuf Falsafi di Nusantara. In *Himpunan Kertas Kerja ISOIT 2004*.
- Buang, A. H., Daud, M. Z., & Jamaludin, M. H. . (2023). On the Question of Kitab Jawi's Originality: Analysis on al-Fatani's Nahj al-Raghibin on Essentials of Sale Contract. *Afkar: Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam*, 25(1), 1–42.
- Daud, W. M. N. W., & Muammar, K. (2009). Kerangka komprehensif pemikiran Melayu abad ke-17 masihi berdasarkan manuskrip Durr al-Fara'id karangan Sheikh Nurudin al-Raniri. *SARI: Jurnal Alam Dan Tamadun Melayu*, 27(2), 119-146.
- Djamil, M. J. (1968). *Silsilah : Tawarich Radja-Radja Keradjaan Atjeh*. Banda Aceh: Kodam Iskandar Muda.
- Hamka. (1977). *Sejarah Umat Islam*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.
- JAKIM (2002). Nur Muhammad Menurut Ulama Ahlus Sunnah Wal Jamaah. <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/fatwa/find/pr/11417>.
- Jusoh, C. R., & Mayah, A. E. @. (2018). Timeline of the Malay Jawi Works: A Revisit to the Oldest Known Malay Manuscript. *Al-Itqan*, 2(3), 5–19.
- Kamarzaman, M. H. (2018). Sumbangan dan Khazanah Ilmuan Asha'irah di Nusantara. *Prosiding Seminar Kebangsaan Asyairah Ahli Sunah Waljamaah 2.0*, 1–49.
- Kamarzaman, M. H., Stapa, Z., Mahmood, A. R., Ismail, I., Zakariya, W. F. A. W., & Azmi, M. F. (2016). Pengaruh Aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah Al-Asha'irah di Nusantara, Analisis Abad ke Tujuh Hingga Dua Puluh Masihi. *Jurnal Penyelidikan Islam*, 28, 89–111.
- Mamat, M. A. (2023). Adab Guru dan Murid dalam Pendidikan Menurut Perspektif Syeikh Muhammad Khaṭīb Langgien: Analisis terhadap Kitab Dawā' al-Qulūb min al-'Uyūb. *Journal of Al-*

Tamaddun, 18(1), 45–58.

- Mamat, M. A., & Mohd Zarif, M. M. (2019). Keperluan Zikir Dalam Pembelajaran Menurut Manuskrip Melayu: Kajian Terhadap Mss 2906 (B) Tibyan Al-Maram). *Journal of Al-Tamaddun*, 14(1), 37–51.
- Mashuri, M. (2020). Bahrul Lahut Manuscripts in East Java: Study of Philology and Reconstruction of Tarekat Networks. *Teosofia: Indonesian Journal of Islamic Mysticism*, 9(2), 227–250.
- Matsyah, A. (2004). *Sejarah kerajaan Islam di Aceh : kajian faktor perkembangan dan merosot*. Tesis Sarjana Usuluddin. Universiti Malaya.
- Rosder, M., & Omar, T. R. R. (1997). *Buku-Buku Aqidah Edisi Jawi: Ulasan Dan Penilaian*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Sahidah, A. (2012). *Finding Malay Islamic Identity through Manuscripts : A Textual Criticism of Bahr Al - Lahut*. 11(I), 51–59.
- Salleh, S. H. (1997). *Kesusasteraan Melayu Abad Kesembilan Belas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Salleh, S. H. (2010). *Malay literature of the 19th century*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Voorhoeve, P. (1980), *Handlist of Arabic Manuscripts in the Library of the University of Leiden and other Collections in the Netherlands*. c.2. Netherlands : Bibliotheca Universitatis Leidensis.
- Wan Daud, W. M. N. (2005). Beberapa Aspek Pandangan Alam Orang Melayu Dalam Manuskrip Melayu Tertua al-'Aqa'id al-Nasafi. *Afkar: Jurnal Akidah & Amp; Pemikiran Islam*, 6(1), 1–14.
- Yahaya, D. M. H. (2016). The Jawi Manuscript: Its History, Role, and Function in the Malay Archipelago. *Journal of Islamic Studies and Culture*, 4(1), 52–61.
- Yahaya, M. (1992). Bahr al-Lahut: Naskhah Melayu Mengenai Islam Abad 6H/12M. In K. Suwannathat-Pian, R. Nasir, & M. A. Yusoff (Eds.), *Dua Dekat Penyelidikan Sejarah Bahasa dan Kebudayaan* (pp. 149–158).
- Yahaya, M. (1994). *Naskhah Jawi: Sejarah dan Teks, Jilid 1*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Yahaya, M. (1995). Sejarah Perkembangan Pemikiran Islam dalam Konteks Alam Melayu: Iktibar Untuk Abad Akan Datang. *Jurnal Usuluddin*, 1(6), 65–81.
- Yahaya, M. (2000), *Karya Klasik Melayu-Islam*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yahaya, M. (2001). *Islam di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainuddin, H. (1961). *Tarich Atjeh dan Nusantara*. Medan: Pustaka Iskandar Muda.

PERTEMBUNGAN KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan tiada pertembungan kepentingan dalam penghasilan artikel ini.

SUMBANGAN PENULIS BERSAMA

Penulis 1: Menjalankan kajian lapangan mengumpul salinan manuskrip di pusat manuskrip, analisis kandungan dan membuat perbandingan teks-teks manuskrip, kajian literatur dan sorotan karya berkenaan tokoh, menyempurnakan penulisan lengkap.

Penulis 2: Menulis metodologi kajian, menganalisis kajian literatur terkini berkaitan tokoh dan manuskrip, melakukan semakan akhir penulisan.

PENGHARGAAN

Pengkaji merakamkan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat membantu dan menyumbang fikiran dalam kajian ini. Diharapkan kajian ini memberi manfaat kepada pelbagai pihak bagi mengembangkan penyelidikan berkaitan manuskrip Islam.